

# Sheik pikul tugas mencabar

24 APR 1992

## Kejohanan Thai ujian pertama Skwad Nasional

PEMENANG pingat emas tunggal Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara, Sheik Allaudin Yaacob, sekali lagi perlu memikul tugas mencabar dalam perebutan memungut pingat di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Thailand.

Sheik, yang turut menjuarai Kejohanan Undangan Dunia di samping Terbuka Belanda dalam 1990, merupakan peserta tunggal yang paling berpengalaman dalam rombongan lapan pesilat ke kejohanan yang akan berlangsung mulai 25 hingga 29 April ini, di Bangkok.

Menurut Penolong Setiausaha Persatuan Pencak Silat (persisi), Mohd Khamin Said, Terbuka Thailand ini merupakan ujian pertama bagi Skwad Nasional sejak mereka menjalani latihan mulai Januari lalu.

Khamin juga berkata: "Kejohanan ini akan disertai oleh semua anggota Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) dengan Malaysia, Brunei dan Indonesia, menghantar barisan penuh satu pasukan iaitu terdiri daripada 15 pesilat."

Di samping itu, pesilat-pesilat Singapura juga turut berpeluang menguji keupayaan masing-masing dalam kejohanan yang lebih mencabar ini.

"Kerana ramai pesilat dari Belanda, Jerman, Belgium akan turut tampil di Bangkok kelak," jelas Khamin.



**MOHD KHAMIN:** Persembahan di Terbuka Thailand akan dijadikan kayu ukur.

Bahkan penolong setiausaha Persisi itu juga menyatakan kejohanan di Thailand ini merupakan satu daripada siri ujian untuk pesilat-pesilat setempat.

"Persembahan di Terbuka Thailand ini akan dijadikan kayu ukur untuk pertimbangan bagi merebut tempat ke tiga lagi kejohanan antarabangsa yang akan berlangsung selepas ini," kata Khamin.

Antara kejohanan yang sedang dalam pertimbangan untuk disertai oleh Persisi ialah Undangan Terbuka Aus-

tria dalam Jun, Pesta Sukan Kemerdekaan Brunei dalam September, dan Kejohanan Dunia dalam November ini di Kuala Lumpur.

"Pemilihan akan didasarkan bukan sahaja ke atas pencapaian mereka di Thailand, malah ke atas kelakonan, disiplin, latihan dan paling penting sekali ialah pelibatan apabila diberikan kepercayaan untuk menganggotai Skwad Nasional," sambung Khamin lagi.

### SENARAI PESERTA

#### Pesilat lelaki:

**Kelas A (40-45kg)** — Abdul Razak Osman (Seni Gayung Pasak).

**Kelas B (45-50kg)** — Mohd Khirwan Mohd Khamin (Sendeng Setapak Maut).

**Kelas C (50-55kg)** — Irwan Amza (Seni Gayung Perwanit).

**Kelas D (55-60kg)** — Abdul Kadir Md Kassim (Sendeng Setapak Maut).

**Kelas E (60-65kg)** — Moxsin Mokti (Sunda Pajajaran).

**Kelas I (80-85kg)** — Sheik Allaudin Yacoob (Sendeng Setapak Maut).

#### Pesilat wanita:

**Kelas A (40-45kg)** — Intan Zahrinah Zainal Abidin (Seni Gayung Pasak).

**Kelas C (50-55kg)** — Rita Samad (Sendeng Setapak Maut).